**PERATURAN KHAS PEMBAYARAN YURAN PELAJAR BAHARU**

**PROGRAM DWI IJAZAH UMP- HsKA & UMP-HsR JERMAN**

| BIL | PERKARA | PROGRAM DWI IJAZAH |
|---|---|---|
| 1 | Bayaran Yuran Pelajar Baharu (pelajar tempatan) | a. Jumlah yuran UMP Semester 1 adalah RM11,115 bagi program Dwi Ijazah UMP HsKA dan RM16,785 bagi program Dwi Ijazah UMP HsR<br><br>b. Semua pelajar baharu dibenarkan untuk membayar **yuran minima RM2,520** kepada UMP :-<br><br>i. RM520 yuran pendaftaran **seminggu sebelum hari pendaftaran**<br><br>**dan**<br><br>ii. Bagi pelajar yang tiada penaja / pembiayaan RM2,000/semester **sebelum cuti pertengahan semester pada setiap semester 1 dan 2**<br><br>c. Tempoh untuk selesaikan segala baki hutang yang belum dijelaskan adalah sehingga akhir Tahun 1 sahaja |
| 2 | Penajaan / Pembiayaan | a. Semua pelajar bukan pembiayaan sendiri perlu mencari penajaan / pembiayaan dalam tempoh semester 1 dan semester 2 (iaitu pada Tahun 1).<br><br>b. Sekiranya masih tidak mendapat sebarang penajaan/pembiayaan selepas tempoh tersebut dan pelajar masih gagal untuk menyelesaikan baki hutang tertunggak yuran Sem 1 & 2 , maka pelajar akan disekat dari mendaftar pada semester 3 (Tahun 2). Dalam hal ini, pelajar masih dibenarkan untuk menduduki peperiksaan pada semester 2. Walaubagaimanapun keputusan peperiksaan akan ditahan. |
| 3 | Menarik Diri Dari Pengajian (pelajar tempatan) | a. Pelajar baharu tidak berpenaja yang menarik diri selepas tempoh 14 hari dari tarikh pendaftaran dikehendaki menjelaskan semua yuran semester berkenaan dengan **kadar sepertimana pelajar Ijazah Sarjana Muda program lazim yang setara** |

| | | |
|---|---|---|
| | | b. Pelajar kanan Tahun 1 tidak berpenaja yang mendaftar dan menarik diri selepas tempoh 14 hari selepas semester bermula dikehendaki menjelaskan semua yuran semester dengan **<u>kadar sepertimana pelajar Ijazah Sarjana Muda program lazim bidang yang setara</u>**<br><br>c. Pelajar kanan Tahun 2 dan seterusnya (berpenaja dan tidak berpenaja) yang mendaftar dan menarik diri selepas tempoh 14 hari selepas semester bermula dikehendaki menjelaskan semua yuran semester **<u>dengan kadar yuran Dwi Ijazah yang ditetapkan</u>** |
| 4 | Tindakan jika gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan | a. Disekat daripada menduduki peperiksaan semester semasa<br><br>b. Disekat daripada membuat pendaftaran<br><br>c. Disekat keputusan dan transkrip peperiksaan<br><br>d. Disekat daripada menghadiri konvokesyen (pelajar tahun akhir) |

- *Lain-lain peraturan adalah sama seperti yang terkandung di dalam Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar Prasiswazah*

*Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 33 bil 3/2017 bertarikh 14/8/2017.*

*Bahagian Kewangan Pelajar*
*Jabatan Bendahari, UMP*